

MPK terima 63 aduan sempena Hari Bertemu Pelanggan

KUANTAN – Sebanyak 63 aduan diterima Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) membabitkan pelbagai masyarakat penduduk di daerah ini bersempena Hari Bertemu Pelanggan yang diadakan oleh PBT itu sejak, tahun lalu.

Ketua Seksyen Perhubungan Awam MPK, Izad Zainal Muhammad Safian berkata, kebanyakan aduan yang diterima oleh penduduk setempat ialah jalan rosak, berlubang, masalah sampah, longkang tersumbat.

Selain itu, menurutnya, isu penyelesaian, masalah penjaja dan tempat letak kenderaan turut diterima oleh pihaknya.

“Semua aduan yang diterima, kita sedang teliti dan dalam tindakan PBT dan agensi terlibat untuk diselesai-

kan. Sebolehnya semua aduan yang diterima akan diselesaikan dalam masa terdekat.

“Pihak kita akan memberi maklum balas serta-merta terhadap aduan yang diterima sekiranya ia di bawah tanggungan MPK. Jika sesuatu aduan itu bukan di bawah kelolaan MPK, pihak kita akan salurkan terus kepada jabatan berkenaan,” katanya di sini, semalam.

Program Hari Bertemu Pelanggan MPK diadakan pada hari Jumaat minggu terakhir setiap bulan selama tiga jam bermula jam 8.30 sehingga 11.30 pagi.

Pada program tersebut, Yang Dipertua MPK bersama pengarah-pengarah jabatan akan berada di kaunter pengadu bagi mendengar aduan daripada rakyat.

Dalam pada itu, Izad Zainal memaklumkan, sejak program terbabit dilaksanakan itu, MPK dapat mengenal pasti masalah yang dihadapi penduduk dengan lebih berkesan menerusi maklumat yang disalurkan oleh mereka.

Jelasnya, menerusi aduan yang disalurkan, pihaknya dapat memberi penjelasan, penerangan secara terus dan terbuka.

“Pihak kita yakin menerusi aduan secara bersemuka dengan penduduk atau pelanggan dapat menyelesaikan masalah mereka dengan kadar segera.

“MPK mengalu-alukan orang ramai untuk memberi cadangan, pandangan atau membuat aduan terus pada bila-bila masa,” katanya.